

Taman Wetland Paya Indah bakal jadi tumpuan pelancong

Oleh ZAINI RABAN

UM 23 OCT 2001

DENGKIL 22 Okt. — Orang ramai yang mengunjungi Taman Wetland Paya Indah di sini yakin taman yang mempunyai keindahan alam semula jadi itu bakal menjadi tumpuan pelancong pada masa akan datang.

Sambil melahirkan rasa kagum dengan keunikan taman tersebut, mereka juga memuji langkah kerajaan mewujudkan taman seumpama itu bagi menyeimbangkan kawasan pembangunan dengan kawasan hijau.

Beberapa pengunjung yang ditemui *Utusan Kota* di taman tersebut memberitahu, taman yang kaya dengan flora dan fauna itu amat sesuai untuk dikunjungi pada hujung minggu atau cuti umum bersama keluarga.

Seorang pekerja di sebuah syarikat swasta, V. Raw V.B. Naidu, 52, berkata, taman tersebut baginya sangat istimewa dan lain daripada yang lain kerana mempunyai keunikan tersendiri.

“Saya suka melihat kecantikan tasik-tasik, bunga teratai dan tiupan angin yang sentiasa menyegarkan,” jelasnya yang pertama kali mengunjungi Taman Wetland Paya Indah.

Taman seluas 3,100 hektar itu mempunyai 14 buah tasik besar, hutan paya gambut, dihuni oleh 210 spesies burung, empat ekor badak Afrika, 15 ekor buaya tembaga dan 12 ekor burung flamingo. Ia dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 12 Oktober lepas.

Seorang anggota polis di Bukit Aman, Mahpar Abd. Manap, 52, pula berkata, lawatannya ke taman tersebut telah membangkitkan nostalgianya sewaktu tinggal di kampung.

Ini kerana, katanya, kawasan tersebut sentiasa berangin sama seperti di kawasan sawah bendang di kampung halamannya dahulu.

Seorang lagi pengunjung, Rajagopal Rangsamy, 50, berkata, keindahan kawasan itu membuatnya mahu datang semula ke situ pada masa depan.

“Walaupun ini pertama kali saya datang ke sini tetapi saya rasa cukup puas hati.

“Saya rasa sangat seronok kerana pemandangan di sini begitu luas dan tidak sibuk seperti di bandar,” ujarnya.

Hussein Shaari, 48, pula berpendapat, kawasan itu sebenarnya memerlukan masa lagi untuk terus membangun dan bertambah cantik.